

20 MAY 1998

SAMBUTAN TERHADAP ASNITA AMAT MENGGALAKKAN

SEREMBAN, 20 Mei (Bernama) -- Sambutan orang ramai, khususnya wanita, terhadap Amanah Saham Wanita (Asnita) amat menggalakkan ke arah membantu memulihkan kegawatan ekonomi negara.

Ketua Pergerakan Wanita Umno Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman hari ini berkata ramai yang menunjukkan minat melabur berdasarkan pengeluaran borang yang semakin meningkat.

"Rakyat sedar dan mahu menggembelingkan sumber kewangan untuk membantu kerajaan mengatasi masalah kegawatan ekonomi," katanya kepada pemberita selepas majlis pelancaran Asnita peringkat Negeri Sembilan oleh Menteri Besar Tan Sri Isa Abdul Samad di sini.

Asnita, yang dilancarkan pada 5 Mei lepas oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyediakan 400 juta unit saham dengan harga tawaran 50 sen seunit pada masa ini.

Isa pula berkata kejayaan wanita dalam pelaburan seperti Asnita menunjukkan kekuatan perpaduan wanita negara ini.

Beliau berkata Kerajaan Negeri bersama Wanita Umno Negeri akan menyusun program menarik orang ramai melabur dalam Asnita dengan meletakkan sasaran utamanya mendapatkan pekerja kilang membuat pelaburan.

Pada majlis itu sebuah Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), Hijrah, berjaya mengumpul RM70,000 untuk dilabur dalam Asnita manakala seramai 17 orang menjual emas bernilai RM15,600 untuk dilaburkan dalam Asnita.

-- BERNAMA

AZ NAK